



SOALAN LAZIM

PROGRAM BANTUAN BAYARAN PEMBIAYAAN UNTUK PELANGGAN INDIVIDU YANG TERJEJAS

1

Siapakah yang layak untuk memohon kemudahan ini?

- i. Terjejas secara langsung atau tidak langsung daripada segi kewangan.
- ii. Mengalami penurunan pendapatan, kehilangan pekerjaan atau peningkatan kos perniagaan.

2

Apakah bantuan yang ditawarkan oleh Bank kepada pelanggan terjejas?

- i. Penjadualan Semula atau Penstrukturan Semula (Reschedule or Restructure)
 - a. Pengurangan ansuran bulanan
 - b. Prolongation tempoh pembiayaan
- ii. Pelanggan yang tidak memenuhi kriteria kelayakan R&R akan dirujuk kepada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dengan bantuan pihak Bank dalam melengkapkan permohonan melalui portal AKPK.

3

Apakah syarat kelayakan untuk memohon kemudahan ini?

Akaun pembiayaan pelanggan masih belum tamat tempoh atau matang.

4

Apakah produk yang ditawarkan menerusi kemudahan ini?

Produk yang ditawarkan ialah:

- | | |
|---------------------------|----------------------------|
| a) Pembiayaan Peribadi-i | d) Sewa Beli Kenderaan-i |
| b) Pembiayaan Perumahan-i | e) Pembiayaan Pendidikan-i |
| c) Pembiayaan Kenderaan-i | f) Pembiayaan Mikro-i |

5

Adakah kemudahan ini memberi kesan kepada laporan CCRIS pelanggan?

Ya, kemudahan ini akan direkodkan dalam laporan CCRIS pelanggan. Akaun pembiayaan di bawah program Penjadualan Semula atau Penstrukturan Semula (Reschedule or Restructure) akan direkodkan sebagai Kod C dan akaun di bawah program AKPK akan direkodkan sebagai Kod K sepanjang tempoh program bantuan bayaran.

6

Apakah yang perlu dilakukan oleh pelanggan yang ingin memohon untuk mendapatkan kemudahan ini?



Pelanggan boleh menghubungi Bank melalui saluran komunikasi rasmi seperti berikut:

- i. Mengimbas QR kod yang disediakan untuk mengisi borang permohonan.
- ii. Mengunjungi cawangan Bank Rakyat atau Susulan Berpusat (SB) yang berdekatan.
- iii. Pusat Panggilan Bank Rakyat di talian 1300 800 800.

Tertakluk pada perubahan dari semasa ke semasa

#UntukSemua

7**Apakah dokumen yang diperlukan untuk memohon kemudahan ini?**

Dokumen berikut diperlukan bagi menyokong permohonan:

- i. Salinan kad pengenalan
- ii. Salinan slip gaji
- iii. Penyata bank (3 bulan terkini) atau penyata KWSP yang terkini

8**Bagaimanakah permohonan bagi akaun pembiayaan yang mempunyai lebih daripada satu penama?**

Hanya seorang penama bagi akaun pembiayaan bersama perlu membuat permohonan. Bank akan menghubungi penama bersama untuk mendapatkan kebenaran.

9**Bagaimanakah permohonan pelanggan yang mempunyai lebih daripada satu akaun atau jenis pembiayaan?**

Permohonan yang dibuat oleh pelanggan yang mempunyai lebih daripada satu akaun atau jenis pembiayaan di Bank Rakyat hanya perlu memohon sekali sahaja. Permohonan akan diproses bagi kesemua akaun pembiayaan pelanggan.

Bagaimanapun, bagi permohonan melibatkan pembiayaan yang mempunyai lebih daripada satu penama (akaun bersama) permohonan akan diproses setelah semua penama akaun memberi persetujuan.

Tertakluk pada perubahan dari semasa ke semasa

#UntukSemua